

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang

Perlindungan insurans atau takaful adalah satu bentuk perlindungan kewangan yang perlu dimiliki oleh setiap individu.¹ Keperluan ini sememangnya kurang disedari oleh kebanyakan orang, namun hakikatnya mereka akan bersetuju bahawa wang adalah perkara terpenting bagi memastikan segala keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya dapat dipenuhi. Setiap orang perlu merancang kewangannya dari masa ke semasa meskipun Allah s.w.t telah menjanjikan rezeki untuk setiap insan di dunia ini.² Ini kerana realiti kehidupan manusia di atas muka bumi ini sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk musibah dan malapetaka.³ Risiko seperti kehilangan nyawa, harta benda, hilang upaya akibat dari kemalangan atau penyakit mungkin berlaku ke atas sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan, pangkat dan darjah. Sebagai umat Islam yang beriman dengan qada' dan qadar Allah s.w.t, semua musibah ini hendaklah diterima dengan hati yang redha sebagai satu ujian dari Allah.⁴ Namun, kita tidaklah boleh semata-mata berserah kepada takdir tanpa berikhtiar mencari jalan bagi menghadapi kemungkinan risiko-risiko tersebut.⁵

¹ Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz Md Salleh (1996), *Pengurusan Kewangan Keluarga*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 196.

² Keterangan ini disebut di dalam surah al-'An'am (6:151).

³ Keterangan ini disebut di dalam surah al-Baqarah (2: 155).

⁴ Abd al-Majid al-Syamūbi (1987), *Syarḥ al-Ḥikam al-'Atīfiyyah*. Dimasyq : Dār Ibn Kathir, h. 35. 'Alā' al-Din Kharūfa (2000), *Islam The Practical Religion*. Kuala Lumpur : A.S.Noodeen, h.35.

Sirājuddin Abbās (1996), *Ttīqād ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press,h.82.

⁵ ibid

Antara persediaan yang boleh dilakukan bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh seseorang individu akibat dari musibah yang menimpa ialah dengan menyertai skim Takaful. Skim tersebut yang berperanan sebagai pelindung berdasarkan kepada dasar bantu membantu sesama manusia akan memberikan bantuan kewangan yang setimpal kepada peserta-pesertanya yang ditimpa musibah. Ini kerana apabila berlaku sesuatu musibah sama ada yang melibatkan kehilangan nyawa, harta benda atau pun keupayaan diri, risiko paling besar yang akan ditanggung oleh seseorang ialah bebanan kewangan kepada dirinya atau kepada waris yang ditinggalkannya, lebih-lebih lagi jika balu yang ditinggalkan itu tidak bekerja manakala anak-anak pula dalam keadaan lemah dan tidak berupaya. Sungguhpun kematian tidak dapat diganti dengan nilai wang, tetapi kecederaan tubuh badan memerlukan rawatan, kerosakan harta benda perlu diganti dan diperbaiki manakala yang ditinggalkan pula perlu meneruskan kehidupan. Dengan bekalan wang ringgit yang mencukupi, sudah tentu kehidupan anak isteri yang kehilangan tempat bergantung ini akan lebih terjamin.

Sememangnya tabungan individu juga boleh dilaksanakan tetapi sejauhmana komitmen tersebut dan berapakah jumlah tabungan tersebut mampu dikumpul sedangkan musibah pula boleh berlaku pada bila-bila masa.¹ Penyertaan di dalam skim takaful akan memberi amaun perlindungan yang tinggi jika berlaku sebarang musibah kepada peserta. Sebagai contoh² waris kepada seorang jururawat yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya telah menerima

¹ Barjoyai Bardai dan Mohd Fairuz Md Salleh, op.cit, h. 199
² Utusan Malaysia, 18 Jun 2002.

bayaran manfaat dari Takaful Nasional berjumlah RM 115,020.01 hasil dari caruman yang dibuat oleh si mati selama 10 bulan sebelum kemalangan tersebut. Jelasnya, jika seorang jururawat membuat simpanan peribadinya selama 10 bulan sudah tentu tidak akan mencecah ke angka tersebut.

Manfaat takaful bukanlah sekadar perlindungan seumpama itu sahaja, tetapi apa yang paling utama ialah ketelusan pengurusannya berdasarkan syariat Islam. Skim ini yang beroperasi berasaskan kepada prinsip *al-tabarru'* dan *al-mudarabah* telah menafikan unsur-unsur riba, judi dan *gharar* (samar) yang terdapat dalam insurans konvensional. Oleh kerana ketiadaan elemen-elemen tersebut, maka urusniaga takaful bebas dari unsur penindasan ataupun ketidakadilan. Ini sejajar dengan rasional penubuhannya pada tahun 1984 setelah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengesahkan bahawa sistem insurans konvensional sebagai satu muamalah yang tidak sah dan tidak sesuai dengan prinsip Islam.¹

Begitupun, kewujudannya yang masih baru jika dibandingkan dengan sistem insurans konvensional menimbulkan tanda tanya adakah skim ini mampu menjadi pilihan majoriti masyarakat khususnya masyarakat beragama Islam. Realitinya, masih terdapat di kalangan masyarakat Islam yang menyertai insuran konvensional sedangkan terdapat syarikat-syarikat insurans Islam yang turut menawarkan pelbagai produk takaful kepada masyarakat.² Adakah kerana kurangnya kefahaman dan kesedaran mereka terhadap sistem

¹ Azman bin Ismail dan Kamaruzzaman bin Abdullah (2000), *Takaful : Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur : The Malaysian Insurance Institute, h. 117.

² Temubual dengan Encik Hasbullah Ali, wakil Takaful Nasional pada 16 Julai 2003.

muamalah Islam ini atau mereka lebih yakin dengan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat insurans konvensional . Realiti ini sepatutnya diatasi dan ditangani bersama agar seluruh umat Islam dapat merasai manfaat perlindungan takaful yang sebenar.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan Berita Harian pada 28 Ogos 2000, masih ramai lagi masyarakat yang tidak menyertai insurans, lebih - lebih lagi insurans Islam seperti skim takaful sedangkan keperluan setiap individu kepada perlindungan takaful semakin meningkat. Ini kerana manusia dan harta sentiasa terdedah kepada beban dan risiko yang disebabkan oleh pelbagai bencana seperti kebakaran, kemalangan, banjir, kematian dan sebagainya. Kepentingan menyertai skim takaful sebagai satu ikhtiar bagi menghadapi segala kemungkinan tidak patut diabaikan. Kajian ini akan cuba meneliti tahap pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap skim ini agar satu langkah susulan yang berkesan dapat dilaksanakan untuk kebajikan seluruh umat Islam.

1.3 Persoalan Kajian

- i) Sejauhmanakah kefahaman masyarakat terhadap skim takaful?
- ii) Adakah terdapat hubungan antara kefahaman terhadap takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan ?
- iii) Sejauhmanakah sambutan masyarakat terhadap skim takaful ?

- iv) Adakah terdapat hubungan antara sambutan dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan ?
- v) Adakah terdapat hubungan di antara kefahaman dan sambutan masyarakat terhadap skim takaful ?

1.4 Skop Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dinyatakan seperti berikut :

- i) Kajian ini hanya dilaksanakan kepada masyarakat Islam sekitar kawasan Bagan Serai.
- ii) Respondan yang terlibat dalam kajian ini ialah golongan dewasa yang mempunyai sumber pendapatan tetap.
- iii) Tumpuan kajian hanyalah terhadap produk-produk Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Bhd. sahaja.

1.5 Objektif kajian

Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui sejauhmana pemahaman dan tahap penerimaan masyarakat Bagan Serai terhadap skim Takaful. Objektif tersebut dirumuskan seperti berikut :

- i) Menilai kefahaman masyarakat terhadap skim takaful.

- ii) Mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara kefahaman masyarakat dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.
- iii) Mengetahui tahap sambutan masyarakat terhadap skim takaful.
- iv) Mengenal pasti sama ada wujud hubungan di antara sambutan dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.
- v) Menilai hubungan di antara kefahaman dan sambutan masyarakat terhadap skim takaful.

1.6 Hipotesis Kajian

Pengkaji telah membuat beberapa hipotesis untuk dikaji berdasarkan faktor jantina, pekerjaan dan pendapatan. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah :

- i) Kefahaman masyarakat terhadap skim takaful masih berada di tahap yang rendah.
- ii) Terdapat hubungan di antara kefahaman terhadap takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.
- iii) Sambutan masyarakat terhadap skim takaful masih di tahap yang rendah.
- iv) Terdapat hubungan di antara sambutan terhadap takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.

- v) Terdapat hubungan di antara kefahaman dan sambutan masyarakat terhadap takaful.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, penulisan tentang Takaful masih terlalu sedikit berbanding dengan bidang-bidang lain, terutamanya penulisan yang berbentuk kajian lapangan. Kebanyakan karya yang didapati di pasaran hanya tertumpu kepada konsep, teori dan tuntutan bertakaful di dalam Islam.

'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān di dalam bukunya *al-Takāful al-Ijtima'ī fi al-Islām*¹ telah menjelaskan kepentingan konsep takaful diaplikasikan di dalam sesebuah masyarakat bagi memastikan setiap individu dapat hidup dalam keadaan yang selesa dan harmoni. Dengan ini, semua pihak dapat merasai murninya anjuran-anjuran Islam dalam menyusun kehidupan bermasyarakat umatnya. Beliau juga menonjolkan kesan-kesan pendidikan dari aspek psikologi yang boleh diterapkan ke dalam jiwa setiap insan hasil dari pelaksanaan prinsip takaful ini. Di samping itu, beberapa kaedah praktikal turut dicadangkan untuk dilaksanakan di dalam sesebuah masyarakat.

"Takaful : Sistem Insurans Islam"² karangan Ahmad Fadzli Yusuf pula adalah sebuah karya yang menjelaskan tentang konsep, kepentingan dan

¹ 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1989), *al-Takāful al-Ijtima'ī fi al-Islām*, c.5. Kaherah : Dār al-Salām.

² Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

pelaksanaan takaful sebagai suatu sistem insurans di Malaysia. Pelan yang dilaksanakan oleh Syarikat Takaful Malaysia dijadikan sebagai model bagi menjelaskan bagaimana sesebuah syarikat takaful beroperasi dan memainkan peranan melindungi para pesertanya.

Selain itu, "Takaful : Teori dan Praktis"¹ tulisan Azman Ismail dan Kamaruzzaman Abdullah juga menghuraikan perkara yang sama tentang konsep takaful. Cumanya tulisan ini lebih menekankan kepada aspek teori takaful sebagai salah satu sistem muamalah Islam dengan memperincikan perbincangan kepada beberapa perkara yang berkaitrapat dengannya seperti jual beli (*al-bay'*), wakil (*al-wakālah*) dan *al-mudārabah*.

Terdapat juga tulisan yang memfokuskan kepada pengetahuan pembaca tentang pelan – pelan yang dilancarkan oleh syarikat takaful seperti buku terbitan Takaful Nasional " Peperiksaan Pra Kontrak Untuk Ejen Insurans".² Di samping buku-buku yang khusus tentang takaful, terdapat juga tulisan yang menyentuh secara umum tentangnya. Sebagai contohnya Jaafar Muhammad, Hendon Redzuan dan Rasidah Mohd Said dalam tulisan mereka "Insurans Untuk Anda"³ telah menghuraikan secara panjang lebar tentang kepentingan dan keperluan perlindungan insurans dalam kehidupan seseorang.

¹ Azman bin Ismail dan Kamaruzzaman bin Abdullah (2000), *Takaful : Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur : The Malaysian Insurance Institute.

² Teks Pembelajaran (2001), *Peperiksaan Pra Kontrak Untuk Ejen Insurans*, c.8. Kuala Lumpur : The Malaysian Insurance Institute

³ Jaafar Muhamad, Hendon Redzuan & Rasidah Mohd. Said (1995), *Insurans Untuk Anda*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ditinjau dari aspek kajian perbandingan pula, penulisan yang sedia ada mengenai takaful adalah "Insurans : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan konvensional di Malaysia"¹ tulisan Redzuan Hashim dan "Kajian Perbandingan Antara Insurans Islam dan Insurans Konvensional : Teori dan Praktiknya di Malaysia"² tulisan Alimah binti Abdullah. Kedua-dua karya ini menjelaskan perkara yang sama bahawa terdapat perbezaan yang nyata di antara dua sistem ini di samping beberapa persamaan yang ada. Sistem Insurans Islam telah dibuktikan benar-benar telus dan adil berbanding sistem insurans konvensional.

Di samping itu, tulisan Rahimah binti Ibrahim " Takaful Kenderaan Berjinjin Dan Insurans Motor : Satu Kajian Perbandingan"³ juga turut menjelaskan perbezaan di antara operasi produk keluaran takaful dan produk insurans konvensional. Hasil kajian ini turut membuktikan bahawa terdapat unsur penindasan di dalam urusniaga yang dijalankan oleh syarikat insurans konvensional.

Selain kajian perbandingan, kajian tentang operasi syarikat takaful juga telah dilaksanakan. Zakaria bin Din dalam kajiannya " Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd : Satu Penelitian Tentang Operasinya."⁴ telah menghuraikan sejauhmana Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. menepati kehendak syarak dalam operasinya.

¹ Redzuan Hashim (2001), "Insurans : Perbandingan Antara Sistem Takaful dan Konvensional di Malaysia" (Tesis Sarjana Pengajian Islam UKM).

² Alimah Abdullah (1992), "Insurans : Kajian Perbandingan Antara Insurans Islam Dan Insurans Konvensional : Teori dan Praktiknya di Malaysia" (Kertas Projek Akademi Pengajian Islam UM).

³ Rahimah Ibrahim (1996), "Takaful Kenderaan Berjinjin Dan Insurans Motor : Satu Kajian Perbandingan" (Kertas Projek Akademi Pengajian Islam UM).

⁴ Zakaria bin Din (1988), "Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. : Satu Penelitian Tentang Operasinya"(Kertas Projek Akademi Pengajian Islam UM).

Jika dilihat kepada tajuk-tajuk buku di atas, maka jelaslah bahawa belum terdapat sebarang bentuk penulisan dan kajian dibuat samaada dalam bentuk buku, tesis dan sebagainya tentang pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap skim Takaful. Oleh kerana itu, penulis merasakan masih ada ruang dan terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap sambutan masyarakat kepada skim takaful.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba mengenalpasti sejauhmana pemahaman dan penerimaan masyarakat Bagan Serai terhadap skim Takaful. Hasil kajian ini penting bagi membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam menawarkan produk-produk Takaful. Mereka dapat mengambil langkah susulan berdasarkan keputusan kajian ini untuk memberi kefahaman yang lebih mantap kepada masyarakat terhadap pentingnya manfaat yang boleh diperolehi dari skim Takaful. Hasil kajian ini juga amat penting sebagai titik tolak kepada usaha agar majoriti umat Islam menyertai skim Takaful dan meninggalkan insurans konvensional yang lain.